



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 22 JUN 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PKPD KETIL: MAFI SUMBANG 400 BAKUL MAKANAN, NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SH -25	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	PERAK TIADA HALANGAN LAKSANA IBADAH KORBAN, NEGERI PERAK/P.PINANG, SH -26	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
3.	MASJID, SURAU DI KUALA LUMPUR DIBENAR LAKSANA IBADAH KORBAN, NEGERI SELANGOR/KL, SH -23	
4.	WILAYAH PERSEKUTUAN BENAR IBADAH KORBAN, NASIONAL, BH -16	
5.	JAWI BENAR IBADAH KORBAN DILAKUKAN, NEGARA, KOSMO -6	
6.	PENYU KARAH MATI ANGKARA MATA KAIL, LOKAL, HM -18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7.	PENYU KARAH MATI TAK SEMPAT BERTELUR, NEGERI MELAKA, SH -29	
8.	PENYU MATI TIDAK SEMPAT BERTELUR, DALAM NEGERI, UM -13	
9.	EMPAT BOT PUKAT TUNDA DIKESAN KERAP CEROBOK ZON NELAYAN PANTAI, UM -ONLINE	
10.	'BOT KEBAL' KERAP CEROBOK KAWASAN NELAYAN PANTAI, LOKAL, HM -16	
11.	FAMA PAHANG SUMBANG 4.5 TAN BUAH UNTUK GAJAH, NEGERI PAHANG/SELANGOR/KL, SH -24	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
12.	PUSAT PEMASARAN HASIL PERTANIAN BERTEKNOLOGI TINGGI BANTU USAHAWAN TANI MODEN, SH -ONLINE	
13.	43 CONTROLLED FRESH MARKETS OF FAMA GROSS RM23.6M, SAYS MINISTRY, MALAY MAIL -ONLINE	
14.	43 CONTROLLED FRESH MARKETS OF FAMA GROSS RM23.6M, SAYS MINISTRY, NEWS DAY -ONLINE	
15.	43 CONTROLLED FRESH MARKET UNDER FAMA GROSS RM23.6 MIL IN SALES REVENUE AS OF JUNE 19, THE EDGE MARKET -ONLINE	
16.	43 PASAR SEGAR TERKAWAL CAMA CATAT NILAI JUALAN RM23.6 JUTA - MAFI, BERNAMA -ONLINE	
17.	43 CONTROLLED FRESH MARKETS OF FAMA GROSS RM23.6 MLN - MAFI, BERNAMA -ONLINE	
18.	HARGA DURIAN LEBIH BERPATUTAN MUSIM INI, SH -ONLINE	
19.	HARGA DURIAN LEBIH BERPATUTAN MUSIM INI, NASIONAL, SH -14	
20.	PENIAGA TAK MENANG TANGAN JUALAN MELALUI MEDIA SOSIAL, NASIONAL, SH -14	LAIN-LAIN
21.	PKP 3.0 PUNCA HARGA SAYUR MENINGKAT, BH -ONLINE	
22.	PERGERAKAN TERBATAS PUNCA HARGA SAYUR MENINGKAT, MSN NEWS -ONLINE	
23.	DUA SAHABAT RUGI PISANG SUKAR DIJUAL, NEGARA, KOSMO -14	
24.	TANGGUNG RUGI PISANG TIDAK DAPAT DIJUAL, DALAM NEGERI, UM -30	
25.	KEMATIAN 500 EKOR AYAM JADI PENGUAT SEMANGAT, DALAM NEGERI, UM -30	
26.	DURIAN DIJUAL HARGA 'KAYANGAN', DALAM NEGERI, UM -24	
27.	MASALAH BEKALAN SELESAI, HARGA SAYUR TURUN, NASIONAL, BH -17	
28.	MKN BERI KELONGGARAN OPERASI LADANG SAYUR, NASIONAL, BH -17	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2021	SINAR HARIAN	NEGERI TERENGGANU/ KELANTAN	25

PKPD Ketil: MAFI sumbang 400 bakul makanan



Che Abdullah (tiga dari kiri) menyampaikan sumbangan barangan keperluan makanan kepada petugas barisan hadapan polis diwakili Ketua Balai Polis Pengkalan Kubor, Inspektor Syed Mustafa Syed Mohamad di Kampung Ketil, Tumpat pada Isnin.

TUMPAT - Sejumlah 350 penduduk dan 50 petugas di Kampung Ketil, di sini yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) menerima sumbangan keperluan makanan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawawi berkata, keperluan makanan itu disampaikan menerusi program MAFI Prihatin bertujuan meringankan beban masyarakat setempat yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

"Sebanyak 400 bakul makanan yang diuruskan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) telah diserahkan kepada penduduk dan petugas di PKPD Kampung Ketil.

"Ia juga sebagai tanda penghargaan terhadap jasa petugas barisan hadapan yang berperanan penting dalam waktu pandemik Covid-19," katanya kepada pemberita di Kampung Ketil, di sini, pada Isnin.

Hadir sama Pengarah LPP Kelantan, Mohd Hanifa Awang Su.

Beliau berkata, MAFI turun ke lapangan dalam usaha mengukuhkan hubungan antara pemimpin dan masyarakat khususnya petugas barisan hadapan yang bertugas sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

"Sumbangan keperluan makanan asas ini sebagai tanda keprihatinan kerajaan terhadap golongan yang terkesan dengan penularan Covid-19," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK/ P.PINANG	26

Perak tiada halangan laksana ibadah korban

SOP berkaitan yang perlu dipatuhi akan diwarta MAIPk

Oleh NORMAWATI ADNAN

BAGAN SERAI

Kerajaan Perak tiada halangan untuk membenarkan ibadah korban dilaksanakan sempena Aidiladha.

Exco Perlindungan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria berkata, pihaknya dimaklumkan kebenaran itu akan diberikan dengan pematuan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

“Saya difahamkan ada beberapa negeri tidak digalakkan adakan korban. Di Perak setakat ini positif, tiada masalah untuk melaksanakan ibadah itu, cuma mungkin dengan SOP ketat yang dibenarkan.

“Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) akanewartakan SOP berkaitan yang perlu



Razman menyerahkan agihan ayam kepada penduduk Kampung Selamat, Gunung Semanggol pada Isnin.

dipatuhi,” katanya selepas memberi sumbangan keperluan dapur kepada penduduk Kampung Selamat, Gunung Semanggol di sini pada Isnin.

Menurut beliau, bekalan ternakan bagi tujuan korban di negeri ini adalah mencukupi meskipun sebelum ini timbul isu ternakan lembu dan kerbau yang dijangkiti penyakit kulit kental atau Lumpy Skin Disease (LSD).

“Disebabkan risiko penularan penyakit ini juga kerajaan telah menggantung pengimportan lembu dan kerbau dari Thailand.

“Tetapi perkara ini langsung tidak menjejaskan bekalan ternakan di ne-

geri ini, kita masih ada alternatif lain dan kita beri jaminan bekalan di Perak adalah mencukupi,” katanya.

Dalam pada itu, Razman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gunung Semanggol berkata, sumbangan kali ini menyaksikan lebih 100 ekor ayam diagihkan kepada setiap isi ketua rumah di Kampung Selamat secara pandu lalu.

Katanya, ia adalah kesinambungan daripada program sebelum ini yang menyasarkan setiap kampung menerima bantuan makanan bagi meringankan beban menghadapi tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2021	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR/KL	23

Masjid, surau di Kuala Lumpur dibenar laksana ibadah korban

KUALA LUMPUR - Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) memberi kebenaran kepada setiap masjid dan surau di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk melaksanakan ibadah korban sempena sambutan Hari Raya Aidiladha pada tahun ini.

Bagaimanapun, proses penyembelihan haiwan, melapah dan pembungkusan daging korban hanya dibenarkan di rumah sembelihan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan rumah penyembelihan ruminan swasta yang dilesenkan mengikut penyelarasan JAWI menerusi Pejabat Pentadbiran Zon.

Pengarah JAWI, Datuk Mohd Ajib Ismail berkata, pengagihan daging korban juga perlu dibuat secara terus kepada peserta, fakir miskin, petugas barisan hadapan dan golongan sasaran.

“Selain itu, pelaksanaan ibadah korban di kawasan la-



JAWI membenarkan had kapasiti sembelihan korban tidak melebihi lima ekor sehari dan bilangan kehadiran termasuk petugas tidak melebihi 12 orang.



pang selain masjid dan surau di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur turut dibenarkan dengan kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT), JAWI dan Pejabat Kesihatan Daerah.

“Had kapasiti sembelihan korban adalah tidak melebihi lima ekor sehari

dan bilangan kehadiran termasuk petugas tidak melebihi 12 orang,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Tambah Mohd Ajib, semua kebenaran itu adalah tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan demi memastikan ibadah korban dapat dihayati oleh semua pihak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

Wilayah Persekutuan benar ibadah korban

Perak turut beri izin dengan syarat, prosedur operasi standard ketat

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ibadah korban dibenarkan di Wilayah Persekutuan dan Perak dengan pema-tuhan kepada syarat yang dite-tapkan serta prosedur operasi standard (SOP) ketat.

Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Datuk Mohd Ajib Ismail, berkata kebenaran ibadah korban di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan susulan titah perke-nan Yang di-Pertuan Agong ber-hubung perkara itu bagi tahun ini.

Katanya, proses penyembeli-han haiwan korban serta kerja melapah, pemotongan dan pem-bungkusan daging bagaimana-pun hanya dibenar dilaksana-kan di lokasi ditetapkan.

"Proses itu hanya dibenarkan di Rumah Sembelihan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan Rumah Penyembelihan Ru-minan Swasta dilesenkan JPV, mengikut penyelarasan JAWI melalui Pejabat Pentadbiran Zon.

"Pengagihan dibuat se-ca-ras terus kepada peserta, fakir miskin berdasarkan senarai nama ditetapkan, petugas barisan hadapan dari golongan sa-

saran," katanya dalam kenya-taan, semalam.

Mohd Ajib berkata, pelaksa-naan ibadah korban di kawasan lapang, selain masjid dan surau di Wilayah Persekutuan juga dibenarkan dengan kebenaran pihak berkuasa tempatan (PBT), JPV, JAWI dan pejabat kesihatan daerah (PKD).

"Had sembelihan tidak mele-bihi lima ekor sehari dan bila-ngan kehadiran termasuk pe-tugas tidak melebihi 12 orang. Semua kebenaran ini tertakluk kepada SOP ditetapkan demi me-mastikan ibadah korban dapat dihayati dan kemaslahatan se-mua pihak sentiasa terpelihara," katanya.

Di **Bagan Serai**, BERNAMA melaporkan kerajaan Perak membenarkan pelaksanaan iba-dah korban sempena Aidiladha pada bulan depan, tertakluk kepada SOP yang ketat yang akan diumumkan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK).

"Perak setakat ini positif tiada masalah untuk melaksanakan

ibadah korban," kata Pengerusi Jawatankuasa Perlindungan, Per-tanian dan Industri Makanan Pe-rak, Razman Zakaria.

Ketika bercakap kepada pem-berita selepas menyampaikan sumbangan keperluan dapur secara pandu lalu kepada pen-duduk Kampung Selamat, Gu-nung Semangol semalam, be-liau berkata, bekalan ternakan mencukupi meskipun sebelum ini timbul isu lembu dan kerbau dijangkiti penyakit kulit kental (LSD).

"Disebabkan risiko penularan penyakit ini juga, kerajaan meng-gantung pengimportan lem-bu dan kerbau dari Thailand; na-mun langkah itu tidak menjejaskan bekalan ternakan di negeri ini," katanya.

Media sebelum ini melapor-kan Kedah dan Pulau Pinang juga membenarkan pelaksanaan ibadah korban dengan SOP ketat, manakala Kelantan pula tidak menggalakkan ibadah korban bagi mengekang penularan pan-demik COVID-19 yang mening-kat kebelakangan ini.

Pengagihan dibuat secara terus kepada peserta, fakir miskin berdasarkan senarai nama ditetapkan, petugas barisan hadapan dan golongan sasaran

Mohd Ajib Ismail,
Pengarah JAWI



Jawi benar ibadah korban dilakukan

PUTRAJAYA – Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) memutuskan ibadah korban bagi musim 1442H/ 2021M tahun ini dibenarkan, namun dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

Pengarahnya, Datuk Mohd. Ajib Ismail berkata, ketetapan berhubung pelaksanaan ibadah korban itu dibuat selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Beliau berkata, bagi pelaksanaan ibadah korban oleh masjid dan surau, pihaknya menetapkan proses penyembelihan binatang korban, lapah, potong dan pembungkusan daging korban hanya dilaksanakan di rumah sembelihan.

"Proses penyembelihan haiwan korban hanya dilakukan di Rumah Sembelihan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Rumah Penyembelihan Ruminan Swasta yang dilesenkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar mengikut penyela-

rasan Jawi melalui Pejabat Pejabat Pentadbiran Zon.

"Manakala pengagihan dibuat secara terus kepada peserta, fakir miskin berdasarkan senarai nama yang ditetapkan, petugas barisan hadapan dan golongan sasaran," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Bagi pelaksanaan ibadah korban di kawasan lapang selain masjid dan surau di Wilayah-Wilayah Persekutuan pula, Mohd. Ajib berkata, ia perlu mendapat kebenaran pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Jawi dan pejabat kesihatan daerah.

"Had kapasiti sembelihan korban tidak melebihi lima ekor sehari dan bilangan kehadiran termasuk petugas tidak melebihi 12 orang.

"Semua kebenaran tersebut adalah tertakluk kepada SOP yang telah ditetapkan demi memastikan ibadah korban dapat dihayati dan kemaslahatan semua pihak sentiasa terpelihara," katanya.



JAWI membenarkan ibadah korban dijalankan di Wilayah Persekutuan dengan mematuhi SOP ditetapkan. – GAMBAR HIASAN



BANGKAI penyu karah betina terdampar di Pantai Tanjung Bidara, Melaka.

Penyu karah mati angkara mata kail

Melaka: Malang buat sekor penyu karah apabila ditemui mati sebelum sempat naik ke pantai untuk bertelur di pesisir Pantai Tanjung Bidara di sini, kelmarin.

Penyu karah seberat kira-kira 40 kilogram itu ditemui orang awam sebelum Jabatan Perikanan Negeri (JPN) diberitahu penemuan itu kira-kira jam 4.30 petang.

Pengarah JPN Mohd Fauzi Solehon berkata, bangkai penyu karah itu ditemui dengan kesan kecederaan luka terkena mata kail.

Katanya, sejarus menerima maklumat mengenai penemuan itu sepasukan pegawai bergegas ke lokasi bagi melakukan pemeriksaan ke atas penyu terbabit.

"Hasil pemeriksaan dilakukan mendapati terdapat kesan luka di kepala dipercayai terkena rawai.

"Kita percaya penyu itu mati di laut dan ditolak ke pantai oleh arus selain ia dalam perjalanan ke pantai untuk bertelur," katanya ketika dibubungi.

Mengulas lanjut beliau berkata, semakan dilakukan juga mendapati, penyu ka-

rah betina itu sebelum ini pernah bertelur di Pantai Melaka.

"Pemeriksaan dijalankan mendapati terdapat tag di badannya yang ditandakan penyu itu sebelum ini pernah naik ke pantai dan bertelur.

"Dengan insiden yang berlaku kelmarin kita amat kecewa kerana ia membabitkan spesies haiwan yang terancam," katanya.

Beliau berkata, pihaknya tidak teragak-agak akan meng-

ambil tindakan tegas sekiranya didapati ada nelayan yang menggunakan peralatan dilarang ketika menjalankan aktiviti menangkap ikan.

"Kami mohon nelayan di Melaka jangan menggunakan peralatan dilarang seperti pukot tagan atau pekap dan rawai tanpa umpan.

"Ini kerana ia boleh menyebabkan penyu tersangkut di pukot dan termakan mata kail kerana disangka makanan," katanya.

Menurut beliau, sekiranya ada yang dikesan masih menggunakan kaedah ini tindakan akan diambil mengikut Akta Perikanan 1985.

Terdapat kesan luka di kepala dipercayai terkena rawai

Mohd Fauzi



Penyu karah betina terdampar di Pantai Tanjung Bidara, Melaka.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2021	SINAR HARIAN	NEGERI MELAKA	29

Penyu karah mati tak sempat bertelur



Seekor penyu karah ditemui mati di pesisiran Pantai Tanjung Bidara, Alor Gajah pada Ahad.

ALOR GAJAH - Seekor penyu karah seberat 40 kilogram tidak sempat bertelur apabila ditemui mati dengan kesan luka pada leher dipercayai terbelit rawai nelayan di pesisiran Pantai Tanjung Bidara di sini.

Pengarah Jabatan Perikanan Melaka, Mohd Fauzi Solehon berkata, sepasukan pegawai tiba di lokasi kejadian selepas menerima aduan orang ramai.

Beliau berkata, pemeriksaan mendapati penyu berkenaan dipercayai mati di laut akibat terkena rawai.

“Penyu itu sebelum ini pernah bertelur di pantai Melaka berdasarkan tag yang ditandakan pada badan haiwan berkenaan. Disebabkan terkena rawai ini, penyu itu tidak dapat mendarat un-

tuk bertelur di pantai negeri ini sekali lagi.

“Lebih menyedihkan ini adalah kes kesembilan penyu ditemui mati di pesisiran pantai di negeri ini dipercayai terkena peralatan nelayan yang dilarang seperti rawai, tagan atau pekap sepanjang tahun ini,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Isnin.

Mohd Fauzi berkata, tindakan akan diambil mengikut Akta Perikanan 1985 sekiranya masih terdapat nelayan menggunakan peralatan yang dilarang ketika menangkap ikan.

“Apabila nelayan menggunakan peralatan yang tidak dibenarkan, ia boleh menyebabkan penyu tersangkut dan memakan mata kail,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	13

Penyu mati tidak sempat bertelur

ALOR GAJAH: Seekor penyu karah seberat 40 kilogram tidak sempat mendarat di pantai untuk bertelur apabila ditemukan mati dengan kesan luka mata kail di pesirsiran Pantai Tanjung Bidara di sini, semalam.

Pengarah Jabatan Perikanan negeri, Mohd. Fauzi Solehon berkata, laporan berhubung kejadian diterima pada pukul 4.30 petang dan sepasukan pegawai ke lokasi untuk memeriksa keadaan penyu karah tersebut.

Katanya, hasil pemeriksaan, ia didapati bunting dan dipercayai mati di laut akibat terkena rawai.

“Penyu dalam keadaan bunting dan pernah bertelur di pantai di Melaka kerana terdapat tag yang ditandakan di badannya,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Empat bot pukut tunda dikesan kerap ceroboh zon nelayan pantai



CHE ANI MAT ZAIN

SUNGAI PETANI: Pihak berkuasa digesa mengambil tindakan ke atas empat bot pukut tunda yang berdaftar di Pulau Pinang kerana didakwa kerap mencerooh zon tangkapan ikan nelayan pantai di Teluk Bahang di negeri itu.

Pengerusi Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (Jaring), Che Ani Mat Zain berkata, bot-bot tersebut dikesan melakukan kesalahan itu pada waktu malam.

“Salah sebuah bot pukut tunda didakwa melakukan banyak kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 tetapi masih lagi bebas beroperasi. Ia juga dikenali sebagai ‘bot kebal’ dalam kalangan nelayan pantai di situ,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Katanya, hanya dalam tempoh seminggu, terdapat empat pencerobohan bot pukut tunda di kawasan Teluk Bahang melibatkan empat bot berkenaan.

“Jaring amat bimbang jika keadaan ini berterusan ia akan merosakkan laut dan menjejaskan pendapatan nelayan pantai Zon A,” katanya.

Sehubungan itu, pihaknya menggesa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta Jabatan Perikanan supaya mengambil tindakan tegas terhadap bot-bot yang didapati melakukan pencerobohan.

“Tindakan tegas termasuk melucutkan lesen bagi bot pukut tunda yang melakukan banyak kesalahan juga perlu dilakukan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2021	HARIAN METRO	LOKAL	16

Alor Setar: Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (Jaring) menggesa pihak berkuasa mengambil tindakan tegas terhadap kegiatan bot pukat tunda yang melakukan pencerobohan di kawasan nelayan pantai di Pulau Pinang.

Pengerusi Jaring Che Ani Mat Zain berkata, nelayan pantai mengesakan kehadiran bot tunda dipercayai berdaftar di Pulau Pinang selepas sering dilihat menceroboh kawasan perairan zon nelayan A terutama pada waktu malam.

"Bot ini dikenali sebagai 'bot kebal' dalam kalangan nelayan. Bot pukat tunda dilihat menceroboh zon A kurang dari tiga batu nautika dari perairan Pulau Pinang jam 12.30 tengah malam, 17 Jun lalu.

"Kehadiran bot ini dirakam nelayan di kawasan berkenaan. Amat menghairankan bot mempunyai rekod 17 kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 masih dibenar beroperasi," katanya.

'Bot kebal' kerap ceroboh kawasan nelayan pantai



JARING menggesa siasatan dibuat ke atas bot tunda yang menceroboh.

Che Ani berkata, pihaknya percaya ada banyak lagi bot pukat tunda mempunyai kesalahan dan rekod sama seperti bot terbabit.

Katanya, dalam tempoh seminggu sahaja ada empat pencerobohan bot tunda di kawasan Teluk Bahang, Pulau Pinang.

"Jaring bimbang jika keadaan ini berterusan, ia akan

merosakkan khazanah laut dan menjejaskan pendapatan nelayan pantai zon A dan kita kerap terima aduan nelayan berkaitan pencerobohan vesel tunda di kawasan zon tangkap nelayan A.

"Kita menggesa dan mencadangkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Jabatan Perikanan agar bot pukat tunda



Jaring bimbang jika keadaan ini berterusan, ia akan merosakkan khazanah laut dan menjejaskan pendapatan nelayan pantai zon A"

Che Ani Mat Zain

terbabit dilucutkan lesen dan tidak dibenar beroperasi," katanya.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya menggesa siasatan terperinci dibuat ke atas bot tunda terbabit.

"Satu jawatankuasa khas perlu menyiasat dan mengambil tindakan ke atas pemilik serta bot pukat tunda yang dikenakan tindakan undang-undang dengan Jabatan Perikanan harus pamerkan nombor bot di laman web.

"Pelan penghapusan penggunaan pukat tunda harus diteruskan dan perlu disegerakan agar dapat menjamin kelestarian sumber perikanan negara," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Pusat pemasaran hasil pertanian berteknologi tinggi bantu usahawan tani moden



Ahmad (kanan) melihat timun fertigasi ketika lawatannya di Port Dickson pada Isnin.

PORT DICKSON - Projek Pusat Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi Tinggi, Institut Latihan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dapat membantu usahawan dan petani mendapatkan maklumat berkaitan pertanian moden.

Timbalan Menteri Pertanian Dan Industri Makanan I (MAFI), Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, mereka juga boleh mendapat maklumat berkaitan aspek teknikal dan praktikal secara khusus.

Menurutnya, projek berkenaan boleh dijadikan sebagai model pertanian moden yang mengaplikasikan teknologi terkini seperti fertigasi gantung dan vertical farming.

"Projek ini di usahakan oleh peserta ladang kontrak MAFI di bawah bimbingan FAMA, Azhar Mohamad Buang yang menanam komoditi timun dengan kuantiti 'polybag' berjumlah 1,410 unit melalui kaedah penanaman fertigasi gantung," katanya kepada Sinar Harian pada Isnin.

Beliau sebelum itu mengadakan lawatan kerja ke Projek Pusat Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi Tinggi di Institut Latihan Fama Port Dickson pada Isnin.

Ahmad berkata, anggaran pengeluaran hasil boleh mencecah 11 metrik tan (MT) pada bulan ini selepas benih mula ditanam pada Mei lalu.

Justeru, katanya, kementeriannya juga menggalakkan usahawan tani merujuk agensi berkaitan seperti FAMA dan Jabatan Pertanian (DOA) bagi mendapatkan maklumat berkenaan tanaman sesuai mengikut permintaan pasaran bagi mengelakkan lebih bekalan komoditi dan kerugian.

MAFI turut menyerahkan sumbangan MAFI Prihatin kepada petugas barisan hadapan iaitu hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan ketika mengadakan lawatan kerja di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Majlis Bandaraya Seremban.

Katanya, antara komoditi yang disumbangkan kali ini ialah labu manis, timun hijau, cili merah, pisang berangan, betik, nangka madu dan jambu batu.

Ahmad (tengah) menyampaikan sumbangan MAFI prihatin kepada petugas di PPV Seremban pada Isnin.



"Sehingga kini, projek Sumbangan MAFI Prihatin melalui FAMA hampir 20.5 tan metrik hasil pertanian.

"MAFI mengambil pelbagai pendekatan khususnya memastikan kelancaran dan kelangsungan rantai bekalan makanan termasuk isu lambakan, surat pergerakan dan pelaksanaan 43 Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara," katanya.

Di Negeri Sembilan sebanyak empat 'outlet' yang beroperasi ketika ini iaitu di Agrobazaar Sendayan, Pusat Operasi FAMA Seremban, Pasar Tani Kekal Jempol dan Pasar Tani Kekal Paroi.

Sehingga 19 Jun 2021, nilai jualan keseluruhan PST telah mencecah sehingga RM23.61 juta.

Selain itu, lebih hasil pertanian melalui sumbangan MAFI Prihatin ini juga secara tidak langsung membantu petani yang mengalami masalah lebih pengeluaran dan pemasaran ketika tempoh pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh selain dapat membantu mereka yang terkesan.

Bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh pelaksanaan PKP 1.0, FAMA telah mewujudkan Bilik Gerakan (Crisis Management Centre) yang beroperasi pada jam 8 pagi hingga 7 malam.

Sehingga 19 Jun 2021, FAMA telah mengeluarkan sebanyak 12,454 surat kebenaran keterlibatan dalam sektor pertanian tidak formal termasuk aktiviti rantai pembekalan dan pemasaran berkaitan keperluan makanan kepada usahawan tani.

Sektor pertanian formal (formal) melibatkan syarikat pengilangan, pengeluar produk atau industri makanan perlu terus mendapatkan kebenaran beroperasi melalui Covid-19 Intelligent Management System (CIMS 3.0) di bawah seliaan MITI.

FAMA Negeri Sembilan juga telah mengeluarkan 320 surat pelepasan kepada pengusaha dan usahawan bagi menjalankan aktiviti pemasaran dan pengedaran hasil pertanian.

Bagi membantu petani yang mengelakkan masalah memasarkan hasil pertanian boleh melayari portal FAMA Feedback System <http://ffs.fama.gov.my/aduan/index.php> atau menghubungi talian hotline FAMA di 019- 7476754/ 013-3777100/ 010-7632684.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2021	MALAY MAIL	ONLINE	

43 controlled fresh markets of Fama gross RM23.6m, says ministry

SEREMBAN, June 21 — Forty three Controlled Fresh Markets (PST) under the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) in the country recorded a sales value RM23.6 million as at June 19, said Deputy Agriculture and Food Industries Minister 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

The markets which operated under Movement Control Order (MCO) 3.0 were aimed at giving entrepreneurs the opportunity to market products and thereby providing consumers a choice to save between five and 20 per cent.

Ahmad said the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) has taken various measures in ensuring the smooth and continuous food supply chain to the people amidst the issues of oversupply and travelling permits.

“Apart from that, the problems of oversupply and marketing faced by farmers during the MCO could be overcome with the implementation of MAFI Prihatin to assist groups affected during the period.

“To date, through the contribution of MAFI Prihatin alone, almost 20.5 tonnes of agricultural products such as vegetables and fruits have been channelled to the people,” he said in a statement after visiting a high technology agricultural produce marketing centre at the FAMA Training Institute in Port Dickson today. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2021	NEWS DAY	ONLINE	

43 controlled fresh markets of Fama gross RM23.6m, says ministry

SEREMBAN, June 21 — Forty three Controlled Fresh Markets (PST) under the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) in the country recorded a sales value RM23.6 million as at June 19, said Deputy Agriculture and Food Industries Minister 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

The markets which operated under Movement Control Order (MCO) 3.0 were aimed at giving entrepreneurs the opportunity to market products and thereby providing consumers a choice to save between five and 20 per cent.

Ahmad said the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) has taken various measures in ensuring the smooth and continuous food supply chain to the people amidst the issues of oversupply and travelling permits.

“Apart from that, the problems of oversupply and marketing faced by farmers during the MCO could be overcome with the implementation of MAFI Prihatin to assist groups affected during the period.

“To date, through the contribution of MAFI Prihatin alone, almost 20.5 tonnes of agricultural products such as vegetables and fruits have been channelled to the people,” he said in a statement after visiting a high technology agricultural produce marketing centre at the FAMA Training Institute in Port Dickson today. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2021	THE EDGE MARKET	ONLINE	

43 controlled fresh markets under FAMA gross RM23.6 mil in sales revenue as of June 19



Filepix for illustration purpose only

SEREMBAN (June 21): Forty three controlled fresh markets (PST) under the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) in the country recorded a sales value of RM23.6 million as of June 19, said Deputy Agriculture and Food Industries Minister 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah.

The markets which operated under Movement Control Order (MCO) 3.0 were aimed at giving entrepreneurs the opportunity to market products and thereby providing consumers a choice to save between five and 20%.

Ahmad said the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) has taken various measures in ensuring the smooth and continuous food supply chain to the people, amidst the issues of oversupply and travelling permits.

“Apart from that, the problems of oversupply and marketing faced by farmers during the MCO could be overcome with the implementation of MAFI Prihatin to assist groups affected during the period.

“To date, through the contribution of MAFI Prihatin alone, almost 20.5 tonnes of agricultural products such as vegetables and fruits have been channeled to the people,” he said in a statement, after visiting a high technology agricultural produce marketing centre at the FAMA Training Institute in Port Dickson today.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2021	BERNAMA	ONLINE	

43 pasar segar terkawal FAMA catat nilai jualan RM23.6 Juta - MAFI



SEREMBAN, 21 Jun – Sebanyak 43 Pasar Segar Terkawal (PST) seliaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di seluruh negara merekodkan nilai jualan berjumlah RM23.6 juta setakat 19 Jun lepas, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Pasar berkenaan yang beroperasi ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 memberi peluang kepada usahawan memasarkan produk, sekali gus menawarkan pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan barangan keperluan dengan penjimatan lima hingga 20 peratus.

Ahmad berkata kementerian itu mengambil pelbagai pendekatan, khususnya dalam memastikan kelancaran dan kelangsungan rantai bekalan makanan kepada masyarakat, di samping menangani isu lambakan dan surat pergerakan.

"Selain itu, masalah lebih pengeluaran dan pemasaran petani ketika tempoh pelaksanaan sekatan pergerakan penuh juga dapat diatasi dengan pelaksanaan MAFI Prihatin, sekali gus membantu golongan yang terkesan dalam tempoh berkenaan.

"Hingga kini, sumbangan MAFI Prihatin sahaja telah menyalurkan hampir 20.5 tan metrik yang berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan kepada orang ramai," katanya dalam kenyataan selepas meninjau projek pusat pemasaran hasil pertanian berteknologi tinggi di Institut Latihan FAMA Port Dickson hari ini.

Mengenai projek itu, Ahmad berkata ia bertujuan mewujudkan pusat penyaluran maklumat berkaitan pemasaran hasil pertanian berteknologi, merangkumi aspek teknikal dan praktikal, kepada usahawan dan kakitangan di seluruh negara.

Selain itu, beliau berkata projek tersebut juga boleh dijadikan sebagai model pertanian moden yang mengaplikasikan teknologi terkini termasuk fertigasi gantung, *vertical farming* dan Internet Pelbagai Benda (IoT).

MAFI turut menggalakkan usahawan tani merujuk agensi berkaitan seperti FAMA dan Jabatan Pertanian terlebih dahulu bagi mendapatkan maklumat berkenaan tanaman yang perlu ditanam bersesuaian dengan permintaan pasaran semasa.

"Ini bagi mengelakkan berlakunya lebih bekalan komoditi pada satu-satu masa," katanya.

– BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2021	BERNAMA	ONLINE	

43 controlled fresh markets of FAMA gross RM23.6 mln - MAFI



SEREMBAN, June 21 -- Forty three Controlled Fresh Markets (PST) under the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) in the country recorded a sales value RM23.6 million as at June 19, said Deputy Agriculture and Food Industries Minister 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

The markets which operated under Movement Control Order (MCO) 3.0 were aimed at giving entrepreneurs the opportunity to market products and thereby providing consumers a choice to save between five and 20 per cent.

Ahmad said the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) has taken various measures in ensuring the smooth and continuous food supply chain to the people amidst the issues of oversupply and travelling permits.

"Apart from that, the problems of oversupply and marketing faced by farmers during the MCO could be overcome with the implementation of MAFI Prihatin to assist groups affected during the period.

"To date, through the contribution of MAFI Prihatin alone, almost 20.5 tonnes of agricultural products such as vegetables and fruits have been channeled to the people," he said in a statement after visiting a high technology agricultural produce marketing centre at the FAMA Training Institute in Port Dickson today.

– BERNAMA

22 JUN, 2021

Harga durian lebih berpatutan musim ini

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Harga durian lebih berpatutan musim ini

FAMA nafi berlaku lambakan durian hingga menyebabkan harga buah bermusim itu merudum

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

KUALA LUMPUR

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menafikan berlaku lambakan durian hingga menyebabkan harga buah bermusim itu merudum ketika ini.

Timbalan Ketua Pengarah Operasinya, Mohamad Mustahapa Awang berkata, sebaliknya, hasil daripada pengumpulan maklumat yang dilakukan pihaknya mendapati harga yang ditawarkan pada kadar berpatutan berbanding sebelum ini.

Beliau berkata, keadaan itu membolehkan rakyat Malaysia berpeluang menikmati durian pada harga yang lebih berpatutan pada musim ini susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

"Kita dapati ketika ini bukan harga (durian) jatuh merudum seperti didakwa tetapi turun kepada harga yang lebih berpatutan kepada pengguna di seluruh negara yang mana petani juga mendapat harga yang munasabah di peringkat ladang.

"Kalau diikuti harga yang ditawarkan kepada pengguna ke-



Hasil daripada pengumpulan maklumat dilakukan FAMA mendapati harga raja buah itu ditawarkan pada kadar berpatutan berbanding sebelum ini.

tika ini masih lagi mahal (bagi durian berkualiti tinggi) tetapi sebenarnya mereka boleh membuat pilihan untuk beli durian yang ikut kemampuan mereka.

"Secara keseluruhan dari segi FAMA, kita tidak nampak lebih bekalan (berlaku ketika ini) sebab kita ada inisiatif yang boleh diatur sekiranya ada lebih hasil," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui di pejabatnya di sini pada Isnin.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai dakwaan peniaga di sekitar Selangor bahawa harga durian mengalami kejatuhan susulan berlaku lambakan raja buah itu dalam tempoh PKP ketika ini.

Jelas beliau, berdasarkan harga purata durian terpilih di Malaysia bermula Mei 2020 hingga Mei lalu mendapati, ia tidak jauh berbeza dengan harga yang

ditawarkan pada minggu lalu.

"Hasil pengumpulan maklumat harga bagi tempoh 14 hingga 20 Jun iaitu paling terbaharu merekodkan harga runcit Musang King (D197) dijual antara RM50 (gred B) hingga RM70 (gred A), manakala Mei lalu dijual dengan harga RM48.

"Bagi harga durian Kampung pula antara RM11 hingga RM20 pada minggu lalu dan RM6 hingga RM13 bagi harga purata durian terpilih bermula Mei tahun lalu hingga Mei lepas," katanya.

Menurutnya, buat masa ini Johor menjadi pembekal utama durian khususnya bagi pasaran Selangor iaitu sebanyak 65 peratus diikuti Negeri Sembilan 25 peratus dan Pulau Pinang 10 peratus.

Mengulas lanjut mengenai isu lambakan hasil, Mohamad

Mustahapa berkata, FAMA telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan 12 pusat memproses pelbagai jenis buah khususnya buah-buahan bermusim di seluruh Semenanjung.

"Selain itu, kita juga menggalakkan pengusaha atau peniaga untuk gunakan media sosial atau internet untuk jual produk seiring dengan norma baharu susulan Covid-19 yang melanda seluruh dunia termasuk Malaysia ketika ini.

"Paling utama adalah usahawan itu perlu kreatif dan tidak bergantung pada satu bentuk jualan semata-mata," katanya.

Menurutnya, FAMA juga telah mewujudkan bilik gerakan 'Crisis Management Centre' dalam tempoh Sekatan Pergerakan Penuh ketika ini bermula 1 Jun lalu.

Katanya, bilik gerakan yang beroperasi pada jam 8 pagi hingga 7 petang itu diwujudkan bagi membantu para petani yang menghadapi masalah memasarkan hasil pertanian mereka.

"Kita minta supaya petani atau usahawan yang berdepan dengan masalah untuk pasarkan hasil atau produk mereka untuk hubungi FAMA supaya kita dapat bantu atasi masalah yang dihadapi," katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan sama, Mohamad Mustahapa turut memaklumkan pihaknya turut menyasarkan untuk mengeksport sejumlah 35,000 metrik tan durian ke luar negara dengan nilai RM100 juta pada tahun ini.

"FAMA menggalakkan pemasaran eksport untuk mendedahkan pengusaha dan pengeksport mengenai kelebihan durian kita berbanding durian lain," kata beliau.



MOHAMAD MUSTAHAPA



22 JUN, 2021

Harga durian lebih berpatutan musim ini

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

FAMA nafiberlaku lambakan durian hingga menyebabkan harga buah bermusim itu merudum

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menafikan berlaku lambakan durian hingga menyebabkan harga buah bermusim itu merudum ketika ini. Timbalan Ketua Pengarah Operasinya, Mohamad Mustahapa Awang berkata, hasil daripada pengumpulan maklumat yang dilakukan pihaknya mendapati harga yang ditawarkan pada kadar berpatutan berbanding sebelum ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PAHANG/ SELANGOR/KL	24

Wabak LSD tidak ganggu bekalan lembu korban

PETALING JAYA - Penyakit kulit kental (LSD) yang menyerang lembu ternakan di Selangor berada dalam keadaan terkawal dan tidak mengganggu bekalan haiwan tersebut menjelang Hari Raya Aidiladha.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Ir Izham Hastum berkata, walaupun beberapa kes wabak LSD dikesan di beberapa kawasan di negeri ini pada awal Jun lalu, namun lembu-lembu tersebut sudah diasingkan serta-merta untuk mengelakkan penularan virus tersebut.

Walaupun begitu, beliau menyarankan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk meningkatkan

kekerapan pemantauan ke ladang-ladang lembu di negeri ini untuk memastikan tiada kes jangkitan penyakit berkenaan berlaku.

"Kita masih perlu memantau keadaan lembu-lembu tersebut, namun setakat ini virus tersebut tidak merebak lagi dan masih terkawal.

"Ia juga tidak akan mengganggu bekalan lembu menjelang Aidiladha nanti, tapi langkah penjagaan tambahan perlu diambil untuk mengelakkan ia merebak," katanya ketika sidang akhbar selepas melawat kawasan pembinaan lebuh raya di Sungai Buloh-Kota Damansara di sini pada Isnin.

Pada awal bulan ini, *Sinar Harian* melaporkan wabak

LSD mula dikesan di sekitar Selangor iaitu di Gombak, Sabak Bernam dan Hulu Selangor.

Penyakit LSD paling awal dikesan di Bagai Serai, Perak pada awal Jun lalu apabila menjangkiti lembu dan kerbau di kawasan berkenaan.



Laporan Sinar Harian pada 3 Jun lalu.

FAMA Pahang sumbang 4.5 tan buah untuk gajah

KUANTAN - Sebanyak 4.5 tan pelbagai jenis buah disumbangkan kepada beberapa individu yang menjalankan pembiakbakaan haiwan di bawah seliaan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) serta Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah, Lancang.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang, Noh Nik Wan berkata, sumbangan itu membabitkan sebanyak 1.5 tan labu manis termasuk satu tan pisangangka untuk makanan 32 ekor gajah di Kuala Gandah.

Menurutnya, minggu lalu, pihaknya sudah menyumbangkan lebih dua tan pisang, nanas, keledak dan labu manis kepada empat individu yang menjalankan pembiakbakaan dalam kurungan komersial di bawah Jabatan Perhilitan di daerah ini serta di Pekan, Lipis dan Bentong.

"Empat individu itu memiliki pelbagai haiwan eksotik seperti landak raya, rusa dan pelanduk.

"Jadi, mereka dibantu untuk mendapat bekalan makanan mencukupi



Rosli (kanan) dan Che Ku Mohd Zamzuri (kiri) memberi gajah makan pisang dan labu yang disumbangkan FAMA Pahang di PKGK Kuala Gandah, Lancang pada Ahad.

bagi haiwan terbabit," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Pada Ahad, FAMA Pahang diketuai Ketua Cawangan Komunikasi Korporatnya, Mejar Rosli Zakaria menyumbang 2.5 tan pisangangka dan labu manis kepada PKGK Kuala Gandah.

Hadir sama Pengurus Pusat Khidmat Pemasaran FAMA Kuantan, Faris Abdullah yang bertanggungjawab menyediakan bantuan berkenaan.

Noh menjelaskan program itu ada-

lah tanggungjawab sosial korporat yang bukan sahaja memberi kebaikan kepada penerima sumbangan tetapi dapat membantu mengelak berlakunya lambakan hasil pertanian apabila pekebun tidak dapat memasarkan keluaran mereka susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Sementara itu, Ketua PKGK Kuala Gandah, Che Ku Mohd Zamzuri Chik Wan Ab Rahman berkata, pihaknya memperuntukkan perbelanjaan RM1 juta setahun bagi menyediakan makanan untuk 32 ekor gajah.

Harga durian lebih berpatutan musim ini

FAMA nafi berlaku lambakan durian hingga menyebabkan harga buah bermusim itu merudum

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

KUALA LUMPUR

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menafikan berlaku lambakan durian hingga menyebabkan harga buah bermusim itu merudum ketika ini.

Timbalan Ketua Pengarah Operasinya, Mohamad Mustahapa Awang berkata, sebaliknya, hasil daripada pengumpulan maklumat yang dilakukan pihaknya mendapati harga yang ditawarkan pada kadar berpatutan berbanding sebelum ini.

Beliau berkata, keadaan itu membolehkan rakyat Malaysia berpeluang menikmati durian pada harga yang lebih berpatutan pada musim ini susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

"Kita dapati ketika ini bukan harga (durian) jatuh merudum seperti didakwa tetapi turun kepada harga yang lebih berpatutan kepada pengguna di seluruh negara yang mana petani juga mendapat harga yang munasabah di peringkat ladang.

"Kalau diikuti harga yang ditawarkan kepada pengguna ke-



Hasil daripada pengumpulan maklumat dilakukan FAMA mendapati harga raja buah itu ditawarkan pada kadar berpatutan berbanding sebelum ini.

tika ini masih lagi mahal (bagi durian berkualiti tinggi) tetapi sebenarnya mereka boleh membuat pilihan untuk beli durian yang ikut kemampuan mereka.

"Secara keseluruhan dari segi FAMA, kita tidak nampak lebihan bekalan (berlaku ketika ini) sebab kita ada inisiatif yang boleh diatur sekiranya ada lebihan hasil," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui di pejabatnya di sini pada Isnin.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai dakwaan peniaga di sekitar Selangor bahawa harga durian mengalami kejatuhan susulan berlaku lambakan raja buah itu dalam tempoh PKP ketika ini.

Jelas beliau, berdasarkan harga purata durian terpilih di Malaysia bermula Mei 2020 hingga Mei lalu mendapati, ia tidak jauh berbeza dengan harga yang

ditawarkan pada minggu lalu.

"Hasil pengumpulan maklumat harga bagi tempoh 14 hingga 20 Jun iaitu paling terbaharu merekodkan harga runcit Musang King (D197) dijual antara RM50 (gred B) hingga RM70 (gred A), manakala Mei lalu dijual dengan harga RM48.

"Bagi harga durian Kampung pula antara RM11 hingga RM20 pada minggu lalu dan RM6 hingga RM13 bagi harga purata durian terpilih bermula Mei tahun lalu hingga Mei lepas," katanya.

Menurutnya, buat masa ini Johor menjadi pembekal utama durian khususnya bagi pasaran Selangor iaitu sebanyak 65 peratus diikuti Negeri Sembilan 25 peratus dan Pulau Pinang 10 peratus.

Mengulas lanjut mengenai isu lambakan hasil, Mohamad

Mustahapa berkata, FAMA telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan 12 pusat memproses pelbagai jenis buah khususnya buah-buahan bermusim di seluruh Semenanjung.

"Selain itu, kita juga menggalakkan pengusaha atau peniaga untuk gunakan media sosial atau internet untuk jual produk seiring dengan norma baharu susulan Covid-19 yang melanda seluruh dunia termasuk Malaysia ketika ini.

"Paling utama adalah usahawan itu perlu kreatif dan tidak bergantung pada satu bentuk jualan semata-mata," katanya.



MOHAMAD MUSTAHAPA

Menurutnya, FAMA juga telah mewujudkan bilik gerakan 'Crisis Management Centre' dalam tempoh Sekatan Pergerakan Penuh ketika ini bermula 1 Jun lalu.

Katanya, bilik gerakan yang beroperasi pada jam 8 pagi hingga 7 petang itu diwujudkan bagi membantu para petani yang menghadapi masalah memasarkan hasil pertanian mereka.

"Kita minta supaya petani atau usahawan yang berdepan dengan masalah untuk pasarkan hasil atau produk mereka untuk hubungi FAMA supaya kita dapat bantu atasi masalah yang dihadapi," katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan sama, Mohamad Mustahapa turut memaklumkan pihaknya turut menyasarkan untuk mengeksport sejumlah 35,000 metrik tan durian ke luar negara dengan nilai RM100 juta pada tahun ini.

"FAMA menggalakkan pemasaran eksport untuk mendedahkan pengusaha dan pengeksport mengenai kelebihan durian kita berbanding durian lain," kata beliau.

Peniaga tak menang tangan jualan melalui media sosial



Abdul Hadi (kiri) bersama pekerjanya menunjukkan durian kampung dari dusunnya di Kampung Air Putih Pekan Nanas.

PONTIAN - Lebih 250 kilogram durian kampung dihantar setiap hari secara segar dari kebun durian di Kampung Air Putih Pekan Nanas kepada pelanggan di sekitar Johor Bahru dan Pasir Gudang.

Itulah yang dilalui pekebun durian, Abdul Hadi Ahmad Sani, 41, sejak seminggu lalu, apabila raja buah di kebunnya yang berkeluasan tiga hektar mula gugur.

Katanya, kehadiran musim durian ketika Sekatan

Pergerakan Penuh tidak menghalang peniaga seperti ini memasarkan durian secara dalam talian melalui Facebook dan aplikasi WhatsApp.

"Berdasarkan pengalaman musim durian ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun lalu, saya dapati cara pemasaran durian perlu diubah bagi mengelakkan berlaku lambakan durian," katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Isnin.

Abdul Hadi menjelaskan, dengan bantuan empat pe-

kerjanya, khidmat penghantaran dengan kaedah pembayaran tunai ketika serahan disediakan di sekitar Johor Bahru dan beberapa daerah sekitar seperti Batu Pahat dan Klang.

"Permintaan durian cukup tinggi di Johor Bahru dan Pasir Gudang, memang tak menang tangan. Kebiasaannya saya akan letak gambar durian dan jadual bila saya akan ke luar daerah untuk membuat penghantaran.

"Dari situ pelanggan akan dapat informasi dan memu-

dahkan mereka untuk membuat pembelian. Durian kampung dijual pada harga sekitar RM15 sekilo," katanya.

Menurutnya, surat kebenaran beroperasi yang diberikan Jabatan Pertanian memudahkan pergerakannya menghantar durian kepada pelanggan di luar daerah.

"Tidak berlaku lambakan durian setakat ini di Johor, memandangkan ramai yang memilih kaedah pemasaran secara dalam talian selain peniaga-peniaga durian dibenarkan berniaga," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

PKP 3.0 punca harga sayur meningkat



Rosol (kiri) melihat proses suntikan vaksin dos kedua ketika melawat Klinik Kesihatan Kampung Tengawang, Kuala Berang, hari ini. NSTP/Baharom Bakar

KUALA TERENGGANU: Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid mengakui sekatan pergerakan penuh yang dikuatkuasakan kerajaan sejak awal bulan lalu, punca kenaikan harga sayur-sayuran di pasaran.

Katanya, sekatan itu menyebabkan pergerakan lori mengambil sayur di pusat pengeluaran utama hasil tani negara itu di Cameron Highlands terbatas, ditambah dengan prosedur operasi standard (SOP) pekerja ladang turut diperketatkan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 sejak 1 Jun lalu.

Beliau berkata, Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagaimanapun sudah memberi kelonggaran dan tidak mengehadkan pergerakan lori, terutama berkaitan rantai industri makanan selepas perbincangan diadakan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

"Hasil perbincangan itu, MKN turut melonggarkan SOP dan membenarkan pekerja ladang hadir di tempat kerja sehingga 60 peratus," katanya ketika ditemui selepas melakukan lawatan ke Klinik Kesihatan Kampung Tengawang, di sini, hari ini.

Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu, berkata kementeriannya tidak boleh mengambil tindakan jika berlaku kenaikan harga atas sebab kekurangan pekerja di kebun dan penguatkuasaan PKP.

"Kementerian hanya boleh mengambil tindakan ke atas peniaga dan pemborong jika berlaku kenaikan harga secara berlebihan.

"Sebagai contoh, jika sebelum PKP 3.0, harga cili hanya RM6 sekilogram, tetapi dinaikkan sehingga RM12 sekilogram selepas PKP, maka kita boleh mengambil tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2021	MSN NEWS	ONLINE	

Pergerakan terbatas punca harga sayur meningkat



Kuala Terengganu: Pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh (SPP) yang dikuatkuasakan kerajaan pada awal bulan lalu dikenal pasti sebagai punca berlaku kenaikan harga sayur di pasaran.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, keadaan itu menyebabkan pergerakan lori mengambil sayur di

Cameron Highlands terbatas.

Menurutnya, selain itu prosedur operasi standard (SOP) pekerja ladang turut diperketatkan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dikuatkuasakan 1 Jun lalu.

"Bagaimanapun, Majlis Keselamatan Negara (MKN) sudah memberi kelonggaran dan tidak mengehendkan pergerakan lori terutama berkaitan dengan industri makanan selepas perbincangan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

"MKN juga melonggarkan SOP dan membenarkan pekerja ladang sehingga 60 peratus," katanya ketika ditemui selepas melakukan lawatan ke Klinik Kesihatan Kampung Tengawang, di sini, hari ini.

Turut hadir, Penyelaras Vaksin Covid-19 Daerah Hulu Terengganu, Dr Nur Fauzani Md Arshad.

Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak boleh mengambil tindakan atas dakwaan kekurangan pekerja dan alasan PKP.

"KPDNHEP hanya boleh mengambil tindakan ke atas peniaga dan pemborong jika berlaku kenaikan harga secara berlebihan.

"Sebagai contoh, jika sebelum pelaksanaan PKP 3.0 harga cili hanya RM6 sekilogram, tetapi dinaikkan sehingga RM12.00 sekilogram, kita boleh mengambil tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011," katanya.

• Gula Pasir	RM2.80	• Cili Merah	RM7.49
• Bawang Besar Holland	RM2.80	• Kubis Tempatan	RM1.99
• Bawang Putih	RM5.50	• Tepung Gandung	RM2.15

*Harga (RM/kg) - Sumber: KPDNHEP

Dua sahabat rugi pisang sukar dijual

KUALA NERANG - Dua sahabat dari Kampung Belimbing Kiri di sini terpaksa menanggung kerugian hampir RM10,000 apabila tidak dapat memasarkan tanaman pisang diusahakan mereka berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Penuh sejak awal bulan ini.

Kedua-dua tersebut didakwa berlaku apabila pemborong dari Pulau Pinang dan Perlis serta beberapa daerah di negeri ini tidak datang membeli pisang tersebut dalam tempoh PKP ini.

Mohd. Azlan Abdul Manaf, 37, dan Azmir Abd. Rahman, 37, dari Kampung Belimbing Kiri mengusahakan tanaman pisang berangan seluas kira-kira dua hektar sejak April tahun lalu.

Menurutnya, kebun pisang milik mereka itu dapat mengeluarkan pisang sebanyak 400 hingga 500 kilogram (kg) sehari.

Katanya, pada minggu pertama PKP Penuh, mereka ter-

paksa melupuskan kira-kira 1,050 kg pisang berangan yang telah masak selepas tiada pemborong datang membelinya.

"Selepas itu kami terpaksa memasarkan sendiri buah pisang tersebut untuk mengelakkan kerugian yang lebih besar.

"Pada masa ini, kami terpaksa meletakkan buah pisang tersebut di kedai-kedai runcit di sekitar daerah Padang Terap," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Selain itu, ujarnya, sebelum ini mereka menjual pisang pada harga RM2.50 sekilogram berbanding RM1.80 sekilogram pada ketika ini.

Azmir pula memberitahu, mereka mengusahakan tanaman pisang itu dengan berkongsi modal sebanyak RM35,000.

"Alhamdulillah, projek tanaman pisang yang diusahakan itu berjaya, namun menghadapi masalah pula untuk memasarkan buah pisang tersebut ketika tempoh PKP sekarang ini," katanya.



SEBAHAGIAN daripada buah pisang yang tidak dapat dijual oleh Mohd. Azlan di kebun pisangnya di Kampung Belimbing Kiri, Kuala Nerang, Padang Terap semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Tanggung rugi pisang tidak dapat dijual

PADANG TERAP: Dua sahabat dari Kampung Belimbing Kiri, Kuala Nerang di sini terpaksa menanggung kerugian hampir RM10,000 apabila tidak dapat memasarkan buah pisang yang ditanam berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Kedua tersebut didakwa berlaku apabila pemborong dari Pulau Pinang dan Perlis serta beberapa daerah di negeri ini tidak datang membeli pisang tersebut dalam tempoh PKP ini.

Mohd. Azlan Abdul Manaf, 37, dan Azmir Abd. Rahman, 37, dari Kampung Belimbing Kiri, Kuala Nerang di sini mengusahakan tanaman pisang berangan seluas kira-kira dua hektar.

Menurut Mohd. Azlan, kebun milik mereka itu dapat mengeluarkan pisang sebanyak 400 hingga 500 kilogram sehari.

Katanya, pada minggu pertama PKP 3.0, mereka terpaksa melupuskan kira-kira 1,050 kilogram buah pisang berangan yang masak selepas tiada pemborong datang membelinya.



SEBAHAGIAN buah pisang yang tidak dapat dijual di Kampung Belimbing Kiri, Kuala Nerang, Padang Terap, Kedah. - UTUSAN/MOHD. RIFAAT ABD. HAMID

“Kami selepas itu terpaksa memasarkan sendiri buah pisang tersebut untuk mengelakkan kerugian lebih besar.

“Pada masa ini, kami meletak buah pisang tersebut di kedai-ke-

dai runcit di sekitar Padang Terap,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Sebelum ini mereka menjual buah pisang dengan harga RM2.50 sekilogram berbanding

semasa PKP sekarang dijual pada harga RM1.80 sekilogram.

Azmir pula memberitahu, mereka mengusahakan tanaman pisang itu dengan berkongsi modal sebanyak RM35,000.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Kematian 500 ekor ayam jadi penguat semangat

Oleh MASTURAH SURADI
utusannews@mediamulia.com.my

KOTA TINGGI: Kegagalan pertama yang menyebabkan hampir 500 ekor ayam kampung di-ternak mati tidak mematahkan semangat seorang pemuda di Felda Lok Heng Timur, di sini untuk terus berusaha dalam bidang itu.

Borhanuddin Samsudin, 29, berkata, dia mula serius dengan ternakan ayam selepas tidak lagi bekerja sebagai penyelia tapak di projek pembangunan di Pengerang, di sini.

"Saya juga berhenti kerja sebab nak jaga mak dan ayah di kampung. Saya tolong mereka uruskan kebun sebelum ambil keputusan menjalankan projek penternakan ayam kampung."

"Saya ingat lagi semasa mula-mula ternak ayam bermodalkan RM10,000, saya usahakan 500 ekor ayam tetapi hampir semuanya mati," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Borhanuddin berkata, selepas dapat mengenal pasti pun-



BORHANUDDIN Samsudin (kanan) menerima kunjungan Pengurus Felda Lok Heng Timur, Mohd. Aswat Othman yang melihat perkembangan projek ternakan ayam kampung di Kota Tinggi, Johor.
- UTUSAN/MASTURAH SURADI

ca penyebab kematian ayamnya, dia kemudian bangkit dan mempertaruh 500 ekor ayam lagi untuk diternak.

Jelasnya, kini jumlah ayam kampung yang diternak bersama adiknya, Mohd. Norain, 24, bertambah kepada 1,000 ekor.

"Alhamdulillah, hasil ilmu yang ada, kini ayam kampung kami mendapat permintaan daripada pembekal di Negeri Sembilan untuk dijadikan produk ayam sejuk beku dan ayam salai."

"Ini juga adalah hasil bantuan pengurusan Felda yang banyak

menyokong usaha saya. Jika sebelum ini saya ternak di belakang rumah tetapi kini saya buat di tanah milik agensi itu yang lebih luas dan selesa," katanya yang bertekad mahu mengajak belia Felda itu bersama-sama menyertai perusahaannya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	24

Durian dijual harga 'kayangan'

Oleh NOOR HASLIZA NUSI
utusannews@mediamulla.com.my

BALIK PULAU: "Hanya mampu dinikmati golongan kayangan."

Demikian dakwa penduduk yang menetap di Bayan Lepas, Teluk Kumbar, Pulau Betong, Sungai Pinang dan Teluk Bahang di sini mengenai harga jualan durian yang tinggi sehingga mencecah RM100 sekilogram.

Mereka mendakwa tidak lagi berpeluang merasai kenikmatan buah tempatan itu walaupun tinggal berdekatan lokasi pengeluaran.

Buah durian kampung kini dijual sekitar RM10 hingga RM15; durian kahwin (RM25 hingga RM35); D2 (RM25 hingga RM28); D24 (26 hingga RM30); 604 (25 hingga RM28), Ho Lor (RM38-RM40); Musang King (RM65 hingga RM75) dan duri hitam (RM75 hingga RM100) sekilogram.

Seorang penduduk Teluk Kumbar, Hussin Ahmad, 50 berkata, buah durian kini tidak lagi menjadi santapan bermusim buat golongan biasa terutamanya penduduk kampung yang tinggal berdekatan dusun buah-buahan itu.

Dakwa bapa kepada enam cahaya mata itu, sebaliknya buah durian Balik Pulau kini hanya mampu dinikmati golongan 'kayangan' atau berpendapatan tinggi.



PERMINTAAN durian Balik Pulau, Pulau Pinang tetap mendapat sambutan luar biasa dalam kalangan pelanggan biarpun harga jualannya masih tinggi. - UTUSAN/MUHAMMAD FIRDAUS AMRAN

"Dahulu setiap kali tiba musim durian, penduduk yang tinggal dekat dengan dusun menjadi orang pertama yang mula merasai kenikmatan buah bermusim itu sebelum dipasarkan secara meluas pada harga serendah RM3 hingga RM5 sekilogram bagi durian kampung.

"Hari ini, semua jenis buah durian boleh dikategorikan sebagai buah-buahan 'kayangan' dengan

harga duri hitam boleh mencecah sehingga RM400 sebiji," katanya di sini semalam.

Sementara itu, seorang penduduk Pulau Betong, Hakimi Roslan, 43, memberitahu, dia kini hanya mampu melihat tauke-tauke durian mengusung buah itu keluar dari dusun dan menjual kepada peraih setiap hari.

"Bagi mereka yang tidak mem-

punyai dusun, memang tidak akan berpeluang menikmati buah itu di saat ini disebabkan harganya terlampau mahal, apatah lagi pada hujung minggu.

"Kami yakin harga buah durian akan jatuh pada musim terakhir pengeluarannya disebabkan berlaku lambakan buah di kebanyakan gerai-gerai tepi jalan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/6/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	17

Masalah bekalan selesai, harga sayur turun

Kuala Lumpur: Beberapa jenis sayur daripada pembekal Cameron Highlands mengalami penurunan harga selepas keputusan kerajaan membenarkan sektor pertanian serta rantaianya terus beroperasi di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Setiausaha Agung Persekutuan Persatuan-Persatuan Pekebun Sayur Malaysia, Chay Ee Mong, berkata penurunan harga itu di kesan berlaku sejak beberapa hari lalu.

Katanya, sebaik keputusan itu dibuat pembekal yang sudah mempunyai banyak bekalan terpaksa menjual dengan harga sedikit rendah bagi mengelak isu lambakan atau rosak.

"Sebelum ini ketika PKPD memang berlaku masalah bekalan disebabkan teori permintaan serta penawaran sehingga menyebabkan beberapa jenis sayur mengalami kenaikan harga.

"Sebagai contoh ketika itu sawi dijual pada harga borong RM6 sehingga RM8 sekilogram, tetapi sejak beberapa hari lalu ia dijual antara RM2 sehingga RM3 sekilogram berbanding harga normal kira-kira RM4 sekilogram.

"Tomato juga ketika PKPD sebelum ini dijual pada harga RM5 sehingga RM6 sekilogram, tetapi kini perlu dijual pada harga sangat rendah sekitar RM2.20 sekilogram berbanding harga biasa sekitar RM2.80 sekilogram," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Bagaimanapun Ee Mong berkata, beliau menjangkakan harga bekalan sayur dari Cameron Highlands itu kembali normal sekurang-kurangnya pada penghujung minggu ini.

Katanya, ketika ini musim hujan di kawasan berkenaan dan ia akan menjejaskan sedikit pengeluaran sayur, sekali gus menyebabkan bekalan kembali normal semula seperti sebelum ini.

"Saya berharap tiada lagi masalah pengeluaran sayur di Cameron Highlands lagi selepas ini kerana pada PKPD lahi yang menyebabkan sektor pertanian serta rantaianya tidak dapat beroperasi, ada pembekal terpaksa membuang bekalan mereka kerana rosak.

"Jadi kita berharap perkara ini tidak berlaku lagi, manakala harga bekalan sayur boleh kembali pulih seperti sedia kala," katanya.

Beliau turut menasihati pembekal yang juga majikan di Cameron Highlands supaya memastikan pekerja yang kebanyakan warga asing mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan bagi mengelak perkara tidak diingini, sekali gus menyebabkan bekalan sayur terjejas.

MKN beri kelonggaran operasi ladang sayur

Kuala Terengganu: Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid mengakui sekatan pergerakan penuh yang dikuatkuasakan kerajaan sejak awal bulan lalu, punca kenaikan harga sayur-sayuran di pasaran.

Katanya, sekatan itu menyebabkan pergerakan lori mengambill sayur di pusat pengeluaran utama hasil tani negara itu di Cameron Highlands terbatas, ditambah dengan prosedur operasi standard (SOP) pekerja ladang turut diperketatkan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 sejak 1 Jun lalu.

Beliau berkata, Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagaimana sudah memberi kelonggaran dan tidak mengehadkan pergerakan lori, terutama berkaitan rantai industri makanan selepas perbincangan diadakan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

"Hasil perbincangan itu, MKN

turut melonggarkan SOP dan membenarkan pekerja ladang hadir di tempat kerja sehingga 60 peratus," katanya ketika ditemui selepas melakukan lawatan ke Klinik Kesihatan Kampung Teng-kawang, di sini semalam.

Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu, berkata kementeriaannya tidak boleh mengambil tindakan jika berlaku kenaikan harga atas sebab kekurangan

pekerja di kebun dan penguatkuasaan PKP.

"Kementerian hanya boleh mengambil tindakan ke atas peniaga dan pemborong jika berlaku kenaikan harga secara berlebihan.

"Sebagai contoh, jika sebelum PKP 3.0, harga cili hanya RM6 sekilogram, tetapi dinaikkan sehingga RM12 sekilogram selepas PKP, maka kita boleh mengambil

tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011," katanya.

Semalam, BH memetik Setiausaha Pertubuhan Komuniti Agro Hulu Selangor, Ramlee Mohd Nasir, berkata alasan harga sayur naik disebabkan PKP dan Cameron Highlands dikenakan PKP Diperketatkan (PKPD) menjadi taktik segelintir pihak memanipulasikan harga borong barang mentah itu.

Berdasarkan pengalaman dan tinjauannya, Ramlee mendakwa, ada pihak pada peringkat peruncit menggunakan alasan sedemikian sebagai helah untuk menaikkan harga sayur meskipun bukan semua hasil tanaman yang dijual di pasaran berasal dari kawasan tanah tinggi itu.

Meskipun ada kenaikan harga sayur pada peringkat peruncit, beliau berkata, ia hanya menggunakan sebelah pihak dan bukannya keseluruhan rantai pembekalan.

MKN sudah memberi kelonggaran dan tidak mengehadkan pergerakan lori, terutama berkaitan rantai industri makanan selepas perbincangan diadakan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani



Rosol Wahid,
Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna